



28 JAN, 2026

Potensi kerjasama strategik

Harian Metro, Malaysia



Potensi kerjasama strategik

PENGARANG Kumpulan Harian Metro, Husain Jahit (kiri) menerangkan sesuatu kepada Naib Canselor Universiti Tenaga Nasional, Professor Ir Dr Khairul Salleh Mohamed Sahari (kanan) berserta rombongan sempena lawatan di Balai Berita, Kuala Lumpur. Kunjungan berkenaan bertujuan membincangkan potensi kerjasama strategik antara kedua-dua pihak, termasuk perkongsian kepakaran, pembangunan kandungan serta inisiatif kolaboratif melibatkan media dan institusi pendidikan. Pertemuan itu turut menjadi platform pertukaran pandangan bagi memperkukuh hubungan kerjasama jangka panjang yang memberi manfaat bersama.